



LAKARAN bentuk Muzium Seni Moden oleh UN Studio.

Muzium seni pertama Timur Tengah dibina

DUBAI: Muzium Seni Moden Timur Tengah pertama akan dibina di persisiran pantai Dubai.

Perdana Menteri Emiriah Arab Bersatu (UAE) yang juga Timbalan Presiden, Shaikh Mohammad Bin Rashid Al Maktoum berkata, projek itu menelan belanja RM44 bilion dan bakal menjadi pusat Perkampungan Budaya.

Muzium direka UN Studio dari Belanda itu menggabungkan elemen tradisi laut dan juga pelayaran Dubai dalam rekaannya.

“Muzium ini bakal merea-

lisasikan visi Shaikh Mohammad menjadikan UAE pusat pelbagai kebudayaan.

“Muzium ini bakal menjadi pusat budaya dan seni rantau Teluk,” kata Pengerusi Agensi Kebudayaan dan Seni Dubai, Shaikh Majid Bin Mohammad Al Maktoum.

Perkampungan Budaya itu dibina di kawasan seluas 40 juta kaki persegi di Jadaf.

Selain muzium, panggung, dewan pameran dan muzium seni dunia dan pelabuhan kering pembinaan kapal layar tradisional turut dibina di kawasan itu. - Agensi